

01 NOV 2000

Mahathir-Formula

KEJAYAAN PERLUKAN BANGSA YANG BERDISIPLIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Formula yang baik bagi menentukan kejayaan negara memerlukan bangsa yang disiplin, tabah hati dan berani menghadapi cabaran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia di semua peringkat memiliki sifat-sifat yang diperlukan untuk menentukan formula yang baik mendatangkan hasil yang dikehendaki.

"Bangsa yang berjaya ialah bangsa yang memiliki nilai hidup yang tinggi. Nilai hidup yang tinggi termasuk sikap disiplin dan tabah hati apabila menghadapi cabaran. Orang yang berdisiplin tidak akan pecah barisan apabila diserang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis anugerah peraduan Formula Malaysia dan pelancaran Yayasan Formula Malaysia di sini. Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dan pengerusi jawatankuasa kempen Formula Malaysia Datuk Hassan Harun.

Dr Mahathir berkata ketika kegawatan ekonomi melanda negara ramai yang menjadi mangsa tetapi kerana barisan tidak retak berkecai, apabila kemenangan diperolehi maka yang gugur dapat dibangun dan dipulihkan semula.

"Krisis kewangan itu memberi pengajaran yang besar kepada kita bahawa negara kita tidak selamat dan boleh diserang bila-bila masa," katanya.

Dr Mahathir berkata krisis kewangan itu juga mengajar tentang betapa perlunya perpaduan rakyat dan kepercayaan serta sokongan mereka terhadap usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

"Kesanggupan rakyat menghadapi tekanan dan kesusahan semasa ekonomi merosot mematahkan serangan asing yang berharap huru-hara akan berlaku dan kerajaan ditumbangkan.

"Kita perlu tingkatkan lagi azam kita dan segala nilai baik kita untuk menentukan Formula Malaysia terus menjadi benteng yang kuat yang mampu mempertahankan kita," katanya.

Ketika berucap, Dr Mahathir secara sinis membidas akhbar Asian Wall Street Journal (AWSJ) yang menyenaraikan Malaysia sebagai "negara paling tidak bebas di dunia".

"Saya hanya nak beritahu akhbar AWSJ dicetak di Malaysia tetapi ada sebuah negara di rantau ini yang menghadkan percetakan edaran akhbar AWSJ dari 3,000 ke 500 naskhah sahaja tetapi negara ini dianggap oleh akhbar itu negara paling bebas di dunia," katanya.

Rakyat Malaysia, katanya, patut bersyukur kerana sewaktu bergolaknya krisis ekonomi yang paling dahsyat, rakyat negara begitu bersatu-padu dan tidak menimbulkan sebarang kekacauan atau masalah yang boleh menggugat kestabilan negara.

Krisis kewangan, kata Dr Mahathir, memberi pengajaran betapa mudahnya kuasa asing meruntuhkan sesebuah negara melalui serangan ekonomi, umpamanya dengan menjatuhkan nilai matawang negara itu.

"Mereka tidak perlu melancarkan serangan ketenteraan untuk melumpuhkan ekonomi negara-negara yang bersaing atau menggugat ekonomi mereka," katanya.

"Globalisasi atau dunia tanpa sempadan adalah nama yang diberikan kepada strategi baru ini dan jika ia tidak diawasi, sempadan negara kita akan diruntuhkan dan kita tidak lagi dapat melindungi diri kita lagi," katanya.

"Walaupun pada mulanya hanya Malaysia yang mengkritik globalisasi seperti yang diperkenal oleh negara maju, tetapi Alhamdulillah hari ini

banyak negara, NGO dan juga ahli pemikir dari negara maju yang turut mengkritiknya," kata beliau.

Peraduan Formula Malaysia adalah satu daripada program yang diatur untuk menanamkan kesedaran di kalangan rakyat. Ia dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 15 Sept tahun lepas di Dataran Kompleks Kerajaan, Putrajaya.

Peraduan itu, yang dilaksanakan dalam pelbagai kategori seperti menulis esei, menulis cerpen, merekacipta lagu, laman web dan lukisan, mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua peringkat rakyat negara ini.

Formula Malaysia dan pertandingan-pertandingan ini dibiayai oleh badan-badan korporat yang prihatin seperti Edaran Otomobil Nasional (EON), YTL, Southern Bank, Sapura, MRCB, Sunway Group, Tenaga Nasional dan KUB Malaysia Berhad.

Lanjutan daripada Kempen Formula Malaysia itu sebuah yayasan yang dinamakan Yayasan Formula Malaysia telah ditubuhkan dan dilancarkan oleh Dr Mahathir malam ini.

Dr Mahathir juga menyampaikan hadiah-hadiah tunai kepada pemenang-pemenang kategori sekolah rendah, sekolah menengah, institut pengajian tinggi awam/swasta dan kategori umum.

-- BERNAMA

GM GM AKD